

# BULETIN TERENGGANU INCORPORATED

HARNESSING INVESTMENT FOR THE RAKYAT




PROFESSORIAL TALK  
3.0 FOKUS KEPADA  
REFORMASI INDUSTRI  
BERASASKAN NILAI  
KEWANGAN ISLAM

KUMPULAN EPIC  
JALAN KERJASAMA  
BERSAMA TUJUH  
RAKAN PERNIAGAAN  
STRATEGIK

BIASISWA YT-TI  
YOUNG TALENT  
SCHOLARSHIP 2024  
: MEMBANTU ANAK  
TERENGGANU KE  
MENARA GADING.

SELANJUTNYA





## KANDUNGAN

### BULETIN 2025 :

Berkonsepkan peralihan ke arah masa hadapan yang lestari berlandaskan prinsip ESG mencerminkan komitmen Kumpulan Terengganu Inc dalam memperkasakan kelestarian secara menyeluruh merentasi pelbagai sektor dan aktiviti pelaburan.

## SIDANG REDAKSI

PENGARANG-PENGARANG  
KUMPULAN TERENGGANU INC

### KETUA EDITOR

SURIDAH SUPIAN

### PANEL PENULIS

AFIQAH MOHAMAD  
Terengganu Inc

WAN NUR MASHALISA WAN MUSA  
Terengganu Inc

INARAH IRSALINA WAHAD  
Terengganu Inc

NORFAR'IZAN HASHIM  
TDM Berhad

HAKIMI SAMSUDIN  
Eastern Pacific Industrial Corporation  
Berhad

MUHAMMAD FARID ZAKARIA  
Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd

AHMAD FAUZAN ABDUL  
Golden Pharos Berhad

MOHD NOOR FADHIR IBRAHIM,  
Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd

KHAIRUL AMRI HARUN  
Syarikat Percetakan Yayasan Islam  
Terengganu (SPYIT)

AHMAD IHSAN SALEHUDIN  
ManisFM

NUR HAZIRAH ZULKIFLI  
GPQ Sdn Bhd

RIA DHAMIJA  
Chicken Cottage Holdings Ltd

FARHANA ADILA MOHAMAD YUNUS  
TI Properties Sdn Bhd

NURIL ANWAR  
Permai Hotel Kuala Terengganu

ANA @ AZMAN MUSTAFA  
PTB Unit Trust Berhad

ROSE HAZELINE ROSLE  
Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd

- 01 Wacana Pengurus Kumpulan Terengganu Inc
- 02 PROFESSORIAL TALK 3.0 Fokus Kepada Reformasi Industri Berasaskan Nilai Kewangan Islam
- 03 Sesi Perkongsian Korporat Bersama Ybhg. Tan Sri Azman Mokhtar memberi panduan berharga dalam memacu kecemerlangan dalam organisasi.
- 04 Terengganu Inc Meterai MoU Pengendalian dan Pengurusan Operasi Jambatan Angkat Kuala Terengganu.
- 05 Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc Dilantik Sebagai Ahli Ceo @ Faculty Programme KPT Encik Amer Bin Ahmad Dilantik Sebagai Pengurus Besar Permai Hotel
- 06 Komited kembangkan perniagaan berkaitan Minyak dan Gas, EPIC Berhad menang kontrak utama daripada Petronas.
- 07 Kumpulan EPIC jalin Kerjasama Bersama tujuh rakan perniagaan strategik PBKSB dan EOGSB, terima 'Star Excellence Recognition Award' ExxonMobil.
- 08 KMI Healthcare dan KMI Taman Desa Diiktiraf di Healthcare Asia Awards Kunjungan Hormat Husa Network ke SKM Terengganu Buka Ruang Kerjasama Strategik
- 09 Komitmen Primula Beach Hotel dalam Menyokong Agenda Pelancongan Negara Chicken Cottage Menangi Anugerah Di British QSR Awards 2025
- 10 Majlis Menandatangani Mou Antara Terengganu Inc Dan Xiangxi Furong Town Culture Tourism Development Co. Ltd. Memperkuat Kerjasama Rentas Sempadan.
- 11 Lawatan DYTM Yang Di-Pertuan Muda Terengganu Ke Loji Rawatan Air Bukit Berapit.
- 12 Lawatan Kerja DYTM Yang Di-Pertua Raja Muda Terengganu ke Pulau Poh, Tasik Kenyir
- 13 Manis Fm Sokong Terengganu Hijab Day 2025 Program Jalinan Kasih Nelayan dan Penoreh Getah Dun Tepoh
- 14 Kemeriah Syawal Kumpulan Terengganu Inc
- 16 Program Bersih Pantai Monsun Terengganu 2024 Himpun Lebih 500 Sukarelawan Terengganu Inc bantu 150 orang pelajar dalam program Back To School.
- 17 "EPIC Back to School 2025" Bantu 300 Murid Kurang Berkemampuan di Terengganu GPQ Bantu Persiapan Kembali Ke Sekolah.
- 18 TDM Berhad Terus Komited Perkasa Pendidikan Melalui Program "Ceria ke Sekolah" TI Properties Santuni Pelajar Asnaf Melalui Program 'back To School' Di Dun Bukit Tunggal.
- 19 Majlis Penyampaian Zakat Kepada Asnaf & Sumbangan Aidilfitri Kepada Pekerja LRTSB 2025 TI Properties Santuni Anak-Anak Yatim Dalam Majlis Iftar Semaian Kasih
- 20 PROGRAM ROOTS OF RESILIENCE: Restoring Wetlands For A Sustainable Future Inisiatif KKPKT Pelihara Ekosistem Paya Bakau Yang Semakin Terancam. TI Properties Santuni Mangsa Banjir
- 21 Inisiatif Kasih Ramadan 2025 Satu: Sumbangan Air Mineral Ke Masjid Pelajar Sk Paya Bunga Ceria Sambut Raya Melalui Program 'Jom Shopping Raya'
- 22 'PRIHATIN RAMADAN: Shopping Baju Raya' Serikan 103 Anak Asnaf DUN Pengkalan Berangan TDM Anjur Program Kongsi Rezeki Ramadan 2025 Bantu 300 Keluarga Asnaf di Manir
- 23 Tradisi Tahunan Agihan Bubur Lambuk Terengganu Inc Reruai Kumpulan Terengganu Inc Meriahkan Suasana Pelita Raya Terengganu 2025
- 24 BIASISWA YT-TI YOUNG TALENT SCHOLARSHIP 2024 : Komitmen Kumpulan Terengganu Inc Dalam Membantu Anak Terengganu Ke Menara Gading. EARTH HOUR 2025 : Primula Beach Hotel tunjukkan komitmen terhadap Kelestarian Alam Sekitar
- 25 Kumpulan Terengganu Inc Terus Komited Dalam Penajaan TSG
- 26 THT Terima Sokongan Padu: EPIC dan SATU Sumbang Tajaan Hadapi Liga Hoki Malaysia 2025

“ Antara tumpuan utama termasuklah PEMERKASAAN TEKNOLOGI HIJAU SEBAGAI PEMACU PERTUMBUHAN BARU dijangka mampu meningkatkan unjuran hasil, memperkuuh nilai aset bersih dan memberi impak positif terhadap kelestarian bumi ”



ALHAMDULILLAH, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT. Dengan limpah kurnia-Nya, tahun 2024 telah menyaksikan Kumpulan Terengganu Inc terus mencatatkan prestasi cemerlang, meningkatkan pulangan hasil menerusi pelbagai strategi dinamik, adaptasi inovasi dan penambahbaikan yang berterusan.

Bagi tahun 2025, saya melihat ia sebagai landasan penting untuk memperkuuh lagi pengurusan yang lebih cekap dan berdaya tahan, dengan memantapkan pelaksanaan inisiatif Alam Sekitar, Sosial

dan Tadbir Urus (ESG). Pendekatan ini menjadi asas dalam menyokong strategi perniagaan jangka panjang yang inklusif merangkumi pemeliharaan alam sekitar, pembangunan sosial dengan pelaburan sebagai penggeraknya.

Lebih membanggakan, syarikat turut memainkan peranan aktif dalam memulangkan manfaat kepada masyarakat melalui pelaksanaan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Sepanjang tahun 2024, sejumlah RM 12 juta telah disalurkan dalam pelbagai inisiatif

kebijakan, pendidikan dan kemasyarakatan. Ia selaras dengan tagline Terengganu Inc Memanfaatkan Pelaburan untuk Rakyat.

**YAB DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR**  
Menteri Besar Terengganu  
merangkap Pengerusi Terengganu Inc

## WACANA PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Alhamdulillah, kita dipertemukan lagi dalam edisi pertama buletin bagi tahun 2025. Lembaran 2025 dibuka dengan pelbagai perkongsian perkembangan, pencapaian dan kejayaan seluruh warga kerja Kumpulan Terengganu Inc.

Berkat kerjasama erat semua pihak, Terengganu Inc telah menunjukkan prestasi konsisten dengan pertumbuhan hasil yang berterusan. Kejayaan ini membuktikan keupayaan kita untuk beradaptasi dengan perubahan pasaran dan melaksanakan inovasi yang tepat.

“ MELANGKAH KE HADAPAN, KAMI AKAN TERUS MEMANFAATKAN MOMENTUM PERTUMBUHAN YANG ADA, DENGAN KOMITMEN UNTUK MENCINTA NILAI JANGKA PANJANG YANG INKLUSIF DAN MEMACU PEMBANGUNAN MAMPAN. KAMI PERCAYA BAHWA KEJAYAAN TIDAK HANYA DIUKUR BERDASARKAN KEUNTUNGAN, TETAPI JUGA IMPAK POSITIF YANG DIBERIKAN KEPADA RAKYAT, KERAJAAN NEGERI, DAN ALAM SEKITAR. ”

**DATO' BURHANUDDIN HILMI BIN MOHAMED @ HARUN**  
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc



## PROFESSORIAL TALK 3.0: FOKUS KEPADA REFORMASI INDUSTRI BERASASKAN NILAI DALAM KEWANGAN ISLAM



16  
JANUARI  
2025

TERENGGANU INC BERSAMA UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA) TELAH BEKERJASAMA MENGANJURKAN PROFESSORIAL TALK 2025 YANG BERTEMAKAN ‘KEWANGAN ISLAM: MENDORONG REFORMASI INDUSTRI BERASASKAN NILAI UNTUK PENYELESAIAN MAMPAN’ BERTEMPAT DI DEWAN PERDANA, UNISZA. PROGRAMINI TELAH MENGHIMPUNKAN LEBIH 200 PESERTA DARIPADA LATAR BELAKANG KORPORAT DAN AKADEMIK.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, dalam ucapannya menegaskan bahawa komitmen syarikat bukan sahaja memperkuuh kesihatan kewangan, malah memainkan peranan penting dalam mempromosikan pembangunan ekonomi yang mampan. Pendekatan ini juga mengukuhkan prinsip keadilan, ketelusan, dan tanggungjawab sosial, seterusnya memastikan amalan kewangan memberi sumbangan positif kepada pertumbuhan jangka Panjang.

Sesi dimoderator oleh Prof. Madya Dr. Muhammad Shahruh Ifwat bin Ishak, Pensyarah Fakulti Perniagaan dan

Pengurusan UniSZA. Turut hadir sebagai penceramah jemputan ialah Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah binti Engku Ali, Profesor Kehormat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, serta Encik Mohd Zikri bin Mohd Shairy, Pengarah Kewangan Sosial di Bank Islam Malaysia Berhad.

Terengganu Inc merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penceramah dan peserta atas sumbangan idea dan kepakaran mereka, yang pastinya akan terus memberi inspirasi kepada perkembangan kewangan Islam sebagai pemangkin kepada kelestarian global.

# SESI PERKONGSIAN KORPORAT BERSAMA YBHG. TAN SRI AZMAN MOKHTAR MEMBERI PANDUAN BERHARGA DALAM MEMACU KECEMERLANGAN DALAM ORGANISASI.

20  
FEBRUARI  
2025

KUMPULAN TERENGGANU INC TELAH MENGANJURKAN SESI PERKONGSIAN KORPORAT DI DUYONG MARINA & RESORT. ACARA INI MENGHIMPUNKAN PARA PEMIMPIN TERKEMUKA UNTUK BERKONGSI PANDANGAN, PENGALAMAN SERTA STRATEGI DALAM MENCAPI PERTUMBUHAN KORPORAT DAN KECEMERLANGAN KEPIMPINAN.



Sesi dimulakan dengan ucapan aluan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, Dato' Burhanuddin Hilmie bin Mohamed @ Harun, yang membuka tirai kepada satu sesi pertukaran ilmu yang penuh inspirasi.

Kemuncak program ini ialah sesi perkongsian ilmu oleh YBhg. Tan Sri Azman bin Mokhtar, bekas Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad, yang berkongsi pandangan berharga mengenai transformasi korporat, kepimpinan strategik, dan daya tahan ekonomi.

Acara diteruskan dengan Forum Kepimpinan yang menampilkan YBhg. Tan Sri Azman bin Mokhtar bersama YBhg. Dato' Mohammad Zainal bin Shaari, Pengarah Cypark Resources Berhad. Diskusi ini menyentuh cabaran dalam kepimpinan, strategi korporat yang mampan, serta landskap perniagaan yang semakin berkembang, sekali gus memberi peserta panduan berharga untuk memacu kecemerlangan dalam organisasi masing-masing.

Sesi perkongsian ini menjadi platform penting dalam memupuk pertukaran ilmu, memperkuuh

rangkaian hubungan profesional, dan menyokong pertumbuhan kerjaya, seiring dengan komitmen Terengganu Inc untuk membina kepimpinan korporat cemerlang.



# TERENGGANU INC METERAI MOU PENGENDALIAN DAN PENGURUSAN OPERASI JAMBATAN ANGKAT KUALA TERENGGANU.

10  
MAC  
2023

SATU MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PENGENDALIAN DAN PENGURUSAN OPERASI JAMBATAN ANGKAT KUALA TERENGGANU ANTARA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU DAN TERENGGANU INC TELAH BERLANGSUNG DENGAN PENUH BERSEJARAH DI ELYSIUM HALL, MENARA UTARA, JAMBATAN ANGKAT KUALA TERENGGANU.



Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Nara Setia, Setiausaha Kerajaan Negeri, dan disaksikan oleh YBhg. Dato' Tun Ahmad Faisal bin Tun Abdul Razak mewakili Kerajaan Negeri bersama Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc.

Di bawah perjanjian ini, TI Properties Sdn Bhd dilantik sebagai operator Jambatan Angkat Kuala Terengganu untuk tempoh lima (5) tahun. Pembaharuan perkhidmatan selepas tempoh tersebut akan dinilai berdasarkan prestasi semasa syarikat pengendali.

Penyerahan rasmi perjanjian pengendalian dan pengurusan operasi turut dibuat kepada TI Properties Sdn Bhd, anak syarikat Terengganu Inc, yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Encik Awasi bin Mohamad.



# PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN TERENGGANU INC DILANTIK SEBAGAI AHLI CEO @ FACULTY PROGRAMME KPT



01  
JANUARI  
2025

**PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN TERENGGANU INC DATO' BURHANUDDIN HILMI BIN MOHAMED @ HARUN, DILANTIK SEBAGAI AHLI CEO@FACULTY PROGRAMME OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT). PELANTIKAN INI ADALAH BAGI MEWAKILI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) UNTUK TEMPOH DUA TAHUN, BERMULA 1 JANUARI 2025 HINGGA 31 DISEMBER 2026.**



CEO@Faculty Programme merupakan inisiatif KPT yang bertujuan merapatkan hubungan antara dunia industri dan akademik, sekali gus memperkasakan pendidikan tinggi negara dengan penglibatan langsung pemimpin industri.

Dengan pengalaman serta kepakaran Dato' Burhanuddin Hilmi akan menyumbang secara signifikan dalam memperkuuh jalinan kolaborasi strategik antara sektor industri dan institusi pengajian tinggi, selari dengan objektif program.



**ENCIK AMER  
BIN AHMAD  
DILANTIK  
SEBAGAI  
PENGURUS  
BESAR PERMAI  
HOTEL**

YTYI Sdn Bhd mengumumkan pelantikan Encik Amer bin Ahmad sebagai Pengurus Besar Baharu Permai Hotel, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025. Beliau menggantikan Puan Hajah Noralizan Abd Rahman yang telah bersara selepas menabur bakti selama 30 tahun dalam industri perhotelan.

Pelantikan ini disifatkan sebagai langkah strategik dalam memperkuuh kedudukan Permai Hotel sebagai antara destinasi penginapan pilihan utama di

Pantai Timur. Dengan pengalaman luas dalam bidang pengurusan hospitaliti, Encik Amer diyakini mampu membawa Permai Hotel ke arah kecemerlangan yang lebih gemilang selaras dengan aspirasi syarikat dan keperluan pelanggan masa kini.



02  
JANUARI  
2025

EPIC Berhad, melalui anak syarikatnya EPIC OG Sdn Bhd (EOGSB), berjaya meraih kontrak selama lima tahun daripada PETRONAS Carigali Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat milik penuh PETRONAS. Kontrak ini melibatkan penyediaan perkhidmatan Penyelenggaraan, Pentaulahan, dan Pengubahsuaian dan Penyambungan dan Pentaulahan Pan Malaysia bagi Paket A2 – (Aset Semenanjung Malaysia (PMA) – Gas).

## KOMITED KEMBANGKAN PERNIAGAAN BERKAITAN MINYAK DAN GAS, EPIC BERHAD MENANG KONTRAK UTAMA DARIPADA PETRONAS

Kontrak ini memperkuuh kedudukan EOGSB sebagai penyedia perkhidmatan diyakini yang berperanan menyokong kemapanan aset dan kecekapan operasi PETRONAS Carigali di Semenanjung Malaysia untuk memenuhi keperluan tenaga semasa dan masa hadapan. Kontrak ini akan berkuat kuasa sehingga September 2029, dengan pilihan lanjutan selama tiga tahun, diikuti dua tahun tambahan, sekali gus meletakkan EOGSB dalam kedudukan strategik untuk pertumbuhan mampan dan kerjasama jangka panjang dalam sektor minyak dan gas negara.

EOGSB memiliki rekod prestasi cemerlang dalam mengendalikan projek penyelenggaraan minyak dan gas berskala besar dan kompleks. Syarikat sebelum ini telah dianugerahkan kontrak Penyelenggaraan, Pembinaan, dan Pengubahsuaian Pan Malaysia (PM-MCM) bagi Paket B2 oleh ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc (EMEPMI). Bernilai RM500 juta, kontrak enam tahun termasuk satu tahun lanjutan tersebut telah bermula pada 17 Julai 2018 dan tamat pada 31 Disember 2024.

EOGSB baru-baru ini juga telah dilantik sebagai kontraktor panel untuk Unit Operasi Hiliran PETRONAS bagi kerja-kerja Pembinaan dan Pengubahsuaian (Construction and Modifications Works - CMW). Kontrak tiga tahun dengan pilihan lanjutan selama satu tahun diikuti satu tahun lagi ini meliputi Pantai Timur, Pantai Barat, dan Selatan Malaysia. Pelantikan ini jelas membuktikan keupayaan syarikat dalam menguruskan projek bernilai tinggi secara cekap untuk operasi di pelbagai wilayah.

Dengan kejayaan meraih pelbagai kontrak besar dan utama, EPIC Berhad berada dalam haluan strategik untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam landskap tenaga Malaysia dan memperkasakan keterjaminan tenaga negara.



# KUMPULAN EPIC JALIN KERJASAMA BERSAMA TUJUH RAKAN PERNIAGAAN STRATEGIK

**18 FEBRUARI 2025**

**EPIC BERHAD DAN ANAK-ANAK SYARIKATNYA HARI INI TELAH MEMETERAI KERJASAMA STRATEGIK DENGAN TUJUH RAKAN PERNIAGAAN IAITU THRE360 ENERGY ASIA SDN BHD, SAUJANA MARINE SDN BHD, SAUJANA UPSTREAM SDN BHD, BEGAS ENERGY SDN BHD, E&H ENERGY SDN BHD, UNIVERSITY COLLEGE TATI DAN SEBUAH SYARIKAT PENGENDALI PELABUHAN MELALUI SATU MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM YANG DIADAKAN DI FOUR SEASONS HOTEL KUALA LUMPUR.**

Majlis yang dihadiri oleh YB Haji Mohd Nurkhuzaini Ab. Rahman, Pengurusi Jawatankuasa Ekonomi Digital, Pendapatan Baharu, Perdagangan, Industri dan Teknologi Hijau, mewakili YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu.

Kerjasama yang dijalin meliputi pelbagai inisiatif strategik termasuk projek pembesaran pelabuhan, pembangunan infrastruktur gas asli cecair, pengurusan medan luar pesisir, perkhidmatan penyelenggaraan, penyelesaian penyahtaualahan dan pembangunan bakat, kesemuanya bertujuan mempercepat pembangunan sosioekonomi dan industri di Negeri Terengganu.

Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, menerusi ucapannya menekankan kepentingan jalinan kerjasama tersebut dalam memacu pertumbuhan masa hadapan syarikat, selain mengekalkan momentum positif yang dicapai tahun lalu.

EPIC Berhad menutup tahun kewangan 2024 dengan mencatatkan rekod baharu paling cemerlang dalam sejarah syarikat apabila meraih pendapatan berjumlah RM403.8 juta, peningkatan sebanyak RM59.8 juta berbanding RM344.0 juta yang direkodkan pada tahun 2023.

Majlis tersebut turut menyaksikan pelancaran operasi Rahar Niaga Sdn Bhd (RNSB), penyedia perkhidmatan bunkering yang diambil alih oleh EPIC Berhad pada penghujung 2024. Pengambilalihan strategik ini memperkuatkukan lagi portfolio perniagaan, menjadikan jumlah anak syarikat di bawah Kumpulan EPIC kepada 11.



Melalui kerjasama yang dimeterai dalam majlis ini, EPIC Berhad dan anak-anak syarikat berhasrat untuk terus memperkuuh perniagaan teras sambil meneroka peluang baharu dalam sektor minyak dan gas, pengurusan pelabuhan, maritim, kejuruteraan dan tenaga boleh baharu. Inisiatif ini akan membolehkan syarikat menjana nilai tambah untuk pihak berkepentingan, sekali gus memacu pembangunan sosioekonomi Terengganu.



## PBKSB DAN EOGSB, TERIMA 'STAR EXCELLENCE RECOGNITION AWARD' EXXONMOBIL



Dua anak syarikat EPIC Berhad, iaitu Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn Bhd (PBKSB) dan EPIC OG Sdn Bhd (EOGSB), sekali lagi mengukuhkan kedudukan sebagai penyedia perkhidmatan pilihan dengan menerima pengiktirafan "Star Excellence Recognition Award" daripada ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc. (EMEPMI).

Anugerah telah disampaikan di acara "EMEPMI 2025 Senior Contractor Management Forum" yang berlangsung di Hyatt Regency Kuantan Resort. Pengiktirafan diberikan berdasarkan penilaian komprehensif terhadap pematuhan aspek keselamatan di tempat kerja serta pencapaian cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan, sejajar dengan piawaian yang ditetapkan oleh EMEPMI.

Sesi penganugerahan menyaksikan Tuan Haji Syed Abdullah Syed Omar, Pengurus Besar Kanan Pangkalan Bekalan dan

Sokongan, mewakili PBKSB, dan Encik Ramli Talib, Pengurus Kanan Penyampaian Teknikal dan Perkhidmatan Sokongan (Technical Delivery and Support Services), mewakili EOGSB, menerima anugerah tersebut daripada wakil EMEPMI.

EPIC Berhad mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga PBKSB dan EOGSB atas pencapaian yang membanggakan ini. Kejayaan ini bukan sahaja mencerminkan komitmen berterusan terhadap kecermerlangan operasi, keselamatan dan kecekapan perkhidmatan, malah menjadi inspirasi kepada anak-anak syarikat lain untuk terus memperkuuh reputasi sebagaiemain industri yang dipercayai.

# KMI HEALTHCARE DAN KMI TAMAN DESA DIiktiraf "HEALTHCARE ASIA AWARD"



16  
APRIL  
2025

KUMPULAN MEDIC IMAN SDN BHD (KMI HEALTHCARE) BERJAYA MERANGKUL ANUGERAH 'CUSTOMER SERVICE INITIATIVE OF THE YEAR', MANAKALA KMI TAMAN DESA MEDICAL CENTRE SDN BHD (KMI TAMAN DESA) YANG TURUT MENERIMA ANUGERAH 'SECONDARY HOSPITAL OF THE YEAR' SEMPENA HEALTHCARE ASIA AWARDS 2025.

Majlis penganugerahan berprestij ini telah menyaksikan Dr. Rayney Azmi Ali, Ketua Pegawai Eksekutif KMI Healthcare, dan Puan Norliza Razali, Pengurus Besar KMI Taman Desa. Penganugerahan ini menjadi pengiktirafan terhadap usaha berterusan Kumpulan KMI Healthcare dalam memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi yang mengutamakan perkhidmatan pelanggan, sejajar dengan komitmen untuk mengutamakan kesejahteraan masyarakat.

KMI Healthcare komited untuk terus melabur dalam teknologi perubatan terkini serta latihan berterusan kepada kakitangan bagi menetapkan penanda aras baharu dalam penjagaan kesihatan, sejarah dengan matlamat untuk menjadi peneraju industri penjagaan kesihatan swasta di Malaysia.

## KUNJUNGAN HORMAT HUSA NETWORK KE SKM TERENGGANU BUKA RUANG KERJASAMA STRATEGIK



11  
MAC  
2025

HUSA NETWORK TELAH  
MENGADAKAN KUNJUNG HORMAT  
KE IBU PEJABAT SURUHJAYA  
KOPERASI MALAYSIA (SKM)  
NEGERI TERENGGANU DENGAN  
HASRAT UNTUK MENEROKA  
PELUANG KERJASAMA DALAM  
MEMPERKASA PERTUMBUHAN  
KOPERASI DAN PENGLIBATAN  
KOMUNITI DI SELURUH NEGERI.

Dalam sesi pertemuan tersebut, kedua-dua pihak telah berkongsi pandangan serta idea berkenaan inisiatif strategik, khususnya dalam memanfaatkan platform media dan komunikasi sebagai alat sokongan pembangunan koperasi. Lawatan ini turut menyaksikan penyampaian cenderamata oleh pihak

Husa Network kepada SKM sebagai simbolik permulaan hubungan kerjasama yang berpotensi tinggi.

Sesi ini mencerminkan komitmen bersama ke arah memperkuuh pembangunan koperasi yang berimpak dan mampan di Negeri Terengganu.

# KOMITMEN PRIMULA BEACH HOTEL DALAM MENYOKONG AGENDA PELANCONGAN NEGARA

**21  
APRIL  
2025**

PRIMULA BEACH HOTEL TELAH MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SESI LIBAT URUS BERSAMA PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN NEGERI TERENGGANU 2025 YANG DIADAKAN PADA 21 APRIL 2025 BERTEMPAT DI RAIA HOTEL TERENGGANU.



## CHICKEN COTTAGE MENANGI ANUGERAH DI BRITISH QSR AWARDS 2025



Penyertaan ini diketuai oleh Puan Hajah Suaibah Harun, Pengurus Besar merangkap Pengerusi Malaysian Association of Hotels (MAH) Terengganu Chapter, bersama lima orang kakitangan Primula sebagai tanda sokongan terhadap pembangunan dan halatuju industri pelancongan negeri.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Ustaz Sulaiman Sulong, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Negeri Terengganu. Antara pengisian utama sesi termasuk pembentangan berkaitan Visit Malaysia Year 2026 serta peluang pembiayaan melalui pelbagai skim dan geran pelancongan oleh Tourism Malaysia dan MOTAC.

Primula Beach Hotel terus menyokong usaha kerajaan dalam memperkuuh ekosistem pelancongan yang mampan, berimpak tinggi dan inklusif di negeri Terengganu.

CHICKEN COTTAGE, ANAK SYARIKAT MILIK PENUH TERENGGANU INC TELAH MENCATAT KEJAYAAN MEMBANGGAKAN APABILA DIUMUMKAN SEBAGAI PENERIMA ANUGERAH FRANCAIS MAKANAN HALAL TERBAIK DI ACARA BERPRESTIJ BRITISH QSR (QUICK SERVICE RESTAURANT) AWARDS 2025.

Anugerah tersebut diterima oleh Pengarah Kewangan Chicken Cottage, Azam Hanipah, yang hadir mewakili seluruh syarikat. Kejayaan ini merupakan pengiktirafan besar terhadap komitmen Chicken Cottage dalam mengekalkan standard tertinggi dari segi inovasi, kualiti makanan, serta kecemerlangan dalam perkhidmatan francais. Pencapaian ini sebagai bukti bahawa jenama milik rakyat Terengganu mampu bersaing dan menyerlah di pentas global.

British QSR Awards merupakan antara platform tertinggi yang mengiktiraf kecemerlangan dalam industri makanan segera di United Kingdom, dengan penyertaan pelbagai jenama terkemuka dari dalam dan luar negara.

# MAJLIS MENANDATANGANI MOU ANTARA TERENGGANU INC DAN XIANGXI FURONG TOWN CULTURE TOURISM DEVELOPMENT CO. LTD. MEMPERKUKUH KERJASAMA RENTAS SEMPADAN.

23  
FEBRUARI  
2025

TERENGGANU INC MEMULAKAN LEMBARAN BAHRU DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA DENGAN TERMETERAINYA MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BERSAMA XIANGXI FURONG TOWN CULTURE TOURISM DEVELOPMENT CO. LTD DALAM SATU MAJLIS YANG BERLANGSUNG DI PERHENTIAN MARRIOTT RESORT & SPA. MOU INI MENANDAKAN LANGKAH PENTING DALAM MEMPERKUKUH KERJASAMA RENTAS SEMPADAN DALAM INDUSTRI PELANCONGAN.

Xiangxi Furong Town Culture Tourism Development Co. Ltd merupakan sebuah syarikat pengkhususan pembangunan dan pengurusan aktiviti pelancongan di Furong Town, sebuah bandar berasaskan yang terletak di Daerah Yongshun, Wilayah Autonomi Tuja-Miao, Wilayah Hunan. Dikenali sebagai "bandar milenium yang tergantung di atas air terjun," Furong Town merupakan kawasan pelancongan kebangsaan yang menarik kunjungan pelancong dari seluruh dunia.



MoU ini telah ditandatangani oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, Dato' Burhanuddin Hilmie bin Mohamed @ Harun dan Jun Su, Pengurus Besar Xiangxi Furong Town Culture Tourism Development Co. Ltd. Turut hadir, Encik Ahmad Ridzwan bin And Rahman, Pengarah Pelancongan Terengganu dan Encik Ahmad Fathil bin Abd Ghani, Pengurus Besar Perkampungan Budaya Terengganu.

Kerjasama ini menandakan usaha penting dalam meneroka dan memperkasa kolaborasi dalam sektor pelancongan,



termasuk program-program pelancongan bersama, pertukaran pengalaman, serta pembangunan Projek International Friendly Scenic Spots. Inisiatif ini bertujuan mempromosikan interaksi budaya, di samping memperluaskan kerjasama dalam bidang pelancongan, kebudayaan, ekonomi dan lain-lain sektor berkaitan.

Sebagai syarikat pemegang pelaburan strategik kepada Kerajaan Negeri Terengganu, Terengganu Inc terus memacu pertumbuhan ekonomi dengan memeterai kerjasama bermakna yang membuka peluang baharu kepada sektor pelancongan. Kerjasama ini diharapkan dapat meningkatkan interaksi budaya, pembangunan pelancongan serta membawa manfaat ekonomi kepada kedua-dua wilayah, selain memperkuatkkan kehadiran Terengganu di persada pelancongan antarabangsa.



## LAWATAN DYT YANG DI- PERTUAN MUDA TERENGGANU KE LOJI RAWATAN AIR BUKIT BERAPIT.

14  
APRIL  
2025

DULI YANG TERAMAT MULIA YANG DI-PERTUAN MUDA TERENGGANU, TENGKU MUHAMMAD ISMAIL IBNI AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, DIIRINGI OLEH YAM TENGKU SRI SETIA MAHKOTA RAJA, TENGKU MUHAMMAD MUA'AZ IBNI SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, TELAH BERKENAN MENCEMAR DULI MENGADAKAN LAWATAN KERJA KE LOJI RAWATAN AIR BUKIT BERAPIT, KUALA NERUS.



Lawatan ini mencerminkan keprihatinan dan iltizam DYT dan YAM terhadap agenda pembangunan mampan serta usaha memperkuuhkan sistem bekalan air negeri yang strategik dan menyeluruh demi kesejahteraan rakyat negeri Terengganu.

Keberangkatan DYT dan YAM turut disambut oleh barisan pegawai kanan kerajaan negeri termasuk YBrs. Encik Wan Muhd Masyhum Bin Wan Harujan, Timbalan Pengarah (Makro), Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu; Puan Safura Binti Mad Juhari, Pengarah Lembaga Sumber Air Terengganu; serta Puan Noor Zatil

Aqmar Binti Mohamad Nor, Pengarah Jabatan Bekalan Air Terengganu, selain turut dihadiri pegawai-pegawai daripada Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU).

Dalam sesi taklimat yang dipersembahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Hj. Abdul Karim bin Endut, DYT dan YAM telah diberi penerangan menyeluruh mengenai peranan, fungsi serta komitmen SATU dalam memastikan kesinambungan bekalan air terawat yang berkualiti, selamat dan konsisten kepada seluruh rakyat negeri ini.

Lawatan tersebut turut melibatkan sesi tinjauan ke fasiliti utama loji, termasuk sistem rawatan dan teknologi yang digunakan, bagi menilai keupayaan operasi serta kesiapsiagaan infrastruktur dalam memenuhi permintaan air semasa dan masa hadapan.

SATU melahirkan rasa amat berbesar hati atas keberangkatan DYT dan YAM ke loji tersebut. Lawatan ini dianggap sebagai suntikan semangat kepada seluruh warga kerja SATU untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Terengganu, selaras dengan komitmen syarikat terhadap kecemerlangan operasi dan kelestarian sumber air.



## LAWATAN KERJA DYTM YANG DI-PERTUA RAJA MUDA TERENGGANU KE PULAU POH, TASIK KENYIR

22  
APRIL  
2025

TERENGGANU INC BERBESAR HATI MENERIMA LAWATAN KERJA DARIPADA DULI YANG TERAMAT MULIA (DYTM) TENGKU MUHAMMAD ISMAIL IBNI AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, YANG DI-PERTUAN RAJA MUDA TERENGGANU KE PULAU POH, TASIK KENYIR.



Lawatan ini diketuai oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, Dato' Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, yang membentangkan taklimat mengenai perkembangan projek pembangunan semasa dan perancangan masa hadapan di kawasan tersebut.

DYTM turut diiringi oleh Pengarah Pelancongan Negeri Terengganu, Encik Ahmad Ridzwan bin Abd Rahman, Pegawai Daerah Hulu Terengganu, Encik Lizan Che Mat, Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties Sdn Bhd, Encik Awasi Mohamad, serta Pengurus Besar KETENGAH, YM Dato' Tengku Ahmad Nadzri Tengku Musa.

Tujuan lawatan ini adalah untuk meninjau kemajuan pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Pulau Poh, termasuk projek pembangunan Hotel Pulau Poh, Marina Dome dan jambatan baharu.

Lawatan ini mencerminkan komitmen berterusan DYT dalam memajukan sektor pelancongan Terengganu selaras dengan matlamat pembangunan yang mampan dan berimpak tinggi.

# MANIS FM SOKONG TERENGGANU HIJAB DAY 2025

**20**  
FEBRUARI  
**2025**

MANIS FM TERUS MENYOKONG 'TERENGGANU HIJAB DAY 2025, DENGAN TEMA INDAHNYA BERHIJAB. ACARA ISTIMEWA INI BERTUJUAN UNTUK MENGANGKAT KEINDAHAN BERHIJAB SEBAGAI SATU SIMBOL PENGHORMATAN, KEYAKINAN DIRI, DAN KETAKWAAN KEPADA ALLAH SWT.

Manis FM mengambil inisiatif mengagihkan tudung-tudung percuma kepada para pendengar, yang ditaja oleh para klien dan rakan strategik. Penganjuran ini juga turut bertujuan untuk



mendidik masyarakat tentang sejarah, nilai spiritual, dan simbolik hijab dalam Islam, di samping menangani salah faham atau stereotaip yang mungkin wujud dalam masyarakat. Ia merupakan ruang dialog terbuka yang membina, menggalakkan pemikiran kritis dan penuh hormat terhadap kepercayaan individu.

## PROGRAM JALINAN KASIH NELAYAN DAN PENOREH GETAH DUN TEPOH

**02**  
JANUARI  
**2025**

GPQ SDN. BHD. BERASA AMAT BERBESAR HATI KERANA TELAH DIBERI PELUANG UNTUK TURUT SERTA DALAM PROGRAM "JALINAN KASIH NELAYAN DAN PENOREH GETAH" BAGI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) TEPOH YANG BERLANGSUNG DI DEWAN SERBAGUNA TEPOH, KUALA NERUS.



Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Haji Alias bin Razak, Ahli Parlimen Kuala Nerus, dan turut dihadiri oleh beberapa tetamu kehormat termasuk YB Ustaz Hishamuddin bin Abdul Karim, Pengurus GPQ Sdn. Bhd., Encik Izzudin bin Abdul Aziz, Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat), serta Tuan Haji Noor Mohd Suhaimie bin Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif GPQ Sdn. Bhd.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat, GPQ telah menyampaikan bantuan dan sokongan kepada 250 nelayan dan penoreh getah tempatan yang terjejas, khususnya ketika musim tengkujuh yang mencabar. Bantuan yang diberikan merangkumi sumbangan kewangan serta barang keperluan asas yang sedikit sebanyak diharapkan dapat meringankan beban hidup mereka.

GPQ Sdn. Bhd. sentiasa komited untuk memainkan peranan aktif dalam membantu golongan yang memerlukan, seiring dengan usaha berterusan kerajaan negeri Terengganu dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

# KEMERIAHAN SYAWAL KUMPULAN TERENGGANU INC

SINAR SYAWAL KEBERKATAN BERSAMA TDM

EPIC SERUMPUN RAYA

NOSTALGIA RAYA SATU

GPQ SYAWAL DIRAI, UKHWAH DIERATKAN

MAJLIS RUMAH TERBUKA SERI AIDILFITRI GOLDEN PHAROS BERHAD





# PROGRAM BERSIH PANTAI MONSUN TERENGGANU 2024 HIMPUN LEBIH 500 SUKARELAWAN

04  
JANUARI  
2025

TERENGGANU INC BERSAMA ANAK-ANAK SYARIKAT KUMPULAN BERJAYA MELAKSANAKAN PROGRAM CSR 'PROGRAM BERSIH PANTAI MONSUN TERENGGANU 2024' DENGAN KERJASAMA JAWATANKUSA PELANCONGAN, KEBUDAYAAN, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM TERENGGANU SERTA MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU.

Lebih 100 kakitangan daripada EPIC Berhad, TDM Berhad, Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd, Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd, Golden Pharos Berhad, GPQ Sdn Bhd, Primula Beach Hotel, dan PTB Unit Trust Sdn Bhd telah berganding bahu bersama lebih 500 sukarelawan dalam misi membersihkan dua pantai ikonik negeri, iaitu Pantai Batu Burok dan Pantai Seberang Takir.

Program ini turut diserikan dengan kehadiran YB Datuk Razali Idris, Pengurus Jawatankuasa



Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Terengganu, yang turut serta dalam aktiviti pembersihan bersama-sama YB Hajah Zuraida binti Md Noor, ADUN Ladang, dan Dato' Haji Rosli bin Latif, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Semangat gotong-royong yang ditonjolkan oleh peserta, termasuk wakil daripada syarikat GLC negeri, agensi-agensi kerajaan, serta badan-badan NGO, membuktikan komitmen masyarakat dalam memelihara

keindahan pantai dan kelestarian alam sekitar.

Inisiatif ini menjadi contoh kejayaan kerjasama erat antara pihak kerajaan, sektor korporat dan masyarakat dalam memastikan warisan alam sekitar negeri Terengganu terpelihara untuk dinikmati generasi akan datang.

## TERENGGANU INC BANTU 150 ORANG PELAJAR DALAM PROGRAM BACK TO SCHOOL



04  
FEBRUARI  
2025

Terengganu Inc 'Back to School' berbesar hati memilih Sekolah Kebangsaan Atas Tol sebagai lokasi pilihan bagi menyalurkan sumbangan zakat wakalah kepada 150 orang pelajar asnaf dan kurang berkemampuan bagi sesi persekolahan 2025.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Burhanuddin Hilmi bin

Mohamed @ Harun menyerahkan pakaian seragam sekolah, beg sekolah, dan lain-lain kelengkapan sekolah beserta wang saku kepada murid yang terpilih.

Turut hadir adalah Encik khairul Syahrin Bin Mamat, Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid Sektor Pembangunan Murid Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, mewakili pengarah pendidikan Terengganu dan Ustaz Maliki Ali, Pegawai Perhubungan Sekolah

mewakili PPD Kuala Terengganu dan Guru Besar SK Atas Tol Puan Paridah Omar.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran pelumba cilik negara, Qabil Irfan bin Azlan yang merupakan juara dunia MiniGP 2023 di Valencia, Sepanyol bersama penyampai-penyampai Manis FM.

Semoga usaha murni ini membantu meringankan beban perbelanjaan ibu bapa dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak untuk memulakan sesi persekolahan.



## “EPIC BACK TO SCHOOL 2025” BANTU 300 MURID KURANG BERKEMAMPUAN DI TERENGGANU

EPIC BERHAD MENERUSKAN KOMITMEN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) MELALUI PENGANJURAN PROGRAM “EPIC BACK TO SCHOOL 2025”, YANG BERJAYA MENYANTUNI SERAMAI 300 MURID KURANG BERKEMAMPUAN DARI ENAM KAWASAN DI TERENGGANU DALAM TIGA SIRI PENGANJURAN.

Edisi pertama program ini melibatkan 100 murid dari empat Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah Parlimen Kuala Terengganu iaitu Wakaf Mempelam, Bandar, Ladang dan Batu Buruk. Program tersebut berlangsung di Pusat Sains & Kreativiti Terengganu dan telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Ahmad Amzad Hashim, Ahli Parlimen Kuala Terengganu.

Edisi kedua pula berlangsung di premis operasi EPIC Berhad di Pelabuhan Kemaman dengan melibatkan 100 murid dari DUN Kijal. Program tersebut disempurnakan oleh YB Datuk Razali bin Idris, ADUN Kijal. Murid-murid bukan sahaja menerima baucar barang persekolahan bernilai RM200, malah turut dibawa melawat sekitar fasiliti syarikat bagi menimba pengalaman baharu.



Siri ketiga pula berlangsung di Pasar Raya Zon Ria, Jerteh, menyantuni 100 murid dari DUN Jabi. Program ini turut disokong oleh Pusat Khidmat Masyarakat DUN Jabi yang menaja 85 murid tambahan, menjadikan jumlah penerima manfaat di lokasi tersebut sebanyak 185 orang. Majlis disempurnakan oleh YB Dr. Azman Ibrahim, ADUN Jabi.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan EPIC Berhad, Dr. Ts. Haji Muhtar Suhaili, program “EPIC Back to School” telah menjadi tradisi tahunan syarikat yang bertujuan membantu keluarga yang memerlukan menyediakan keperluan

asas persekolahan anak-anak mereka. Tahun ini, peruntukan sebanyak RM75,000 disalurkan bagi menjayakan program yang memberi manfaat lebih luas berbanding tahun sebelumnya.

Program ini turut mendapat sokongan dan penglibatan pelbagai pihak termasuk wakil rakyat setempat, sukarelawan syarikat serta institusi-institusi berkaitan, sekali gus memperkuuh jaringan sinergi antara sektor korporat dan masyarakat. EPIC Berhad kekal komited untuk terus menyumbang ke arah pembangunan pendidikan dan kesejahteraan komuniti setempat.

## GPQ BANTU PERSIAPAN KEMBALI KE SEKOLAH.

GPQ Sdn. Bhd. bersama Pertubuhan Kebajikan Komuniti Dun Tepoh dan Mydin Mall Gong Badak telah melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat bagi membantu pelajar asnaf dan kurang berkemampuan dalam membuat persiapan kembali ke sekolah sesi 2025.



Program ini disempurnakan oleh YB Ustaz Hishamuddin bin Abdul Karim, ADUN Tepoh merangkap Pengurus GPQ. Turut hadir mewakili Ketua Pegawai Eksekutif iaitu Tuan Haji Mohd Rizaini bin Ghazali, Ketua Pegawai Operasi, bersama barisan pengurusan dan kakitangan GPQ.

Seramai 100 orang pelajar daripada kawasan Dun Tepoh telah menerima manfaat daripada inisiatif ini. Semoga sumbangan yang diberikan dapat membantu meringankan beban perbelanjaan dan memberi motivasi kepada para pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik dan kehidupan, sekaligus memanfaatkan ilmu yang diperoleh untuk kebaikan diri serta masyarakat.

# TDM BERHAD TERUS KOMITED PERKASA PENDIDIKAN MELALUI PROGRAM “CERIA KE SEKOLAH”

**TDM BERHAD MENERUSKAN USAHA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DALAM MEMPERKASA AKSES PENDIDIKAN MENERUSI PELAKSANAAN PROGRAM “CERIA KE SEKOLAH” YANG TELAH MEMBERI MANFAAT KEPADA HAMPIR 200 PELAJAR KURANG BERKEMAMPUAN DI DUA LOKASI BERBEZA DI TERENGGANU.**



Pada 29 Januari, seramai 70 anak asnaf dari 10 kawasan sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Putih diraikan dalam program Sentuhan Prihatin Air Putih Sejahtera: Ceria ke Sekolah, hasil kerjasama TDM Berhad bersama Pusat Khidmat Masyarakat DUN Air Putih. Majlis yang disempurnakan oleh YB Mohd Hafiz bin Adam, ADUN Air Putih itu menyaksikan penyampaian sumbangan kelengkapan persekolahan kepada para pelajar, sebagai persiapan menghadapi sesi baharu persekolahan.

Sementara itu, pada 17 Februari, TDM turut menjayakan program sama di Sekolah Kebangsaan Kampung Fikri (SKKF), Sungai Tong, melibatkan 122 murid. Program ini bukan sahaja memberi bantuan barang persekolahan, malah turut menyelitkan elemen pembangunan sahsiah dan kemahiran hidup melalui aktiviti penanaman pokok cili yang dikendalikan oleh TDM Agrobiz Sdn Bhd, serta pertandingan mewarna poster. Turut

hadir memeriahkan acara ialah Pegawai Perladangan Zon Utara, Tuan Haji Fikri Ismail, dan barisan pengurusan Ladang serta Kilang Kelapa Sawit Sungai Tong.

Menurut TDM, inisiatif “Ceria ke Sekolah” merupakan sebahagian daripada komitmen syarikat terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (UNSDG), khususnya Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti. Syarikat percaya bahawa sokongan berterusan terhadap pendidikan golongan kurang berkemampuan mampu mewujudkan asas yang kukuh bagi masa depan yang lebih cerah.

TDM akan terus memainkan peranan aktif sebagai rakan komuniti yang prihatin dan menyokong pembentukan generasi muda yang seimbang, berilmu dan berdaya saing.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) TI Properties Sdn Bhd menerusi inisiatif TI Prop Harmoni Didik: ‘Back to School’ Satu Langkah Seribu Impian sekali lagi membawa senyuman kepada pelajar asnaf dan kurang berkemampuan bagi sesi persekolahan 2025. Pada kali ini, Dun Bukit Tunggal menjadi lokasi pilihan bagi penyiaran sumbangan zakat wakalah kepada penerima yang memerlukan.

Majlis penuh bermakna ini diserikan dengan kehadiran Encik Awasi Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties bersama-sama YB Sr Zaharuddin Zahid, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Tunggal untuk menyampaikan sumbangan kepada para pelajar. Sumbangan yang diberikan merangkumi kelengkapan sekolah seperti beg dan peralatan pembelajaran serta wang tunai yang diharapkan dapat membantu para pelajar memulakan sesi persekolahan dengan lebih yakin.

## TI PROPERTIES SANTUNI PELAJAR ASNAF MELALUI PROGRAM ‘BACK TO SCHOOL’ DI DUN BUKIT TUNGGAL.



Program ini bukan sekadar bantuan keperluan sekolah, tetapi merupakan satu usaha berterusan dalam memastikan pendidikan yang lebih inklusif bagi pelajar dari keluarga kurang berkemampuan.

Kami berharap sumbangan ini dapat meringankan beban keluarga penerima dan memberi semangat kepada anak-anak ini untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam akademik.

# MAJLIS PENYAMPAIAN ZAKAT KEPADA ASNAF & SUMBANGAN AIDILFITRI KEPADA PEKERJA LRTSB 2025



Sebanyak 14 buah sekolah rendah dan menengah di sekitar kawasan operasi Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd (LRTSB) telah menerima agihan zakat sempena bulan Ramadan tahun ini. Majlis penyampaian zakat tersebut telah diadakan dalam suasana penuh bermakna di Cheneh Recreation & Resort.

Pengerusi LRTSB, Yang Berhormat Dato' Haji Wan Sukairi Bin Wan Abdullah, dalam ucapannya menekankan kepentingan menunaikan zakat sebagai satu kewajipan setiap Muslim. Beliau turut menyatakan agar amalan membantu golongan asnaf di kawasan setempat terus diperkasa, selaras dengan semangat Ramadan dan tuntutan agama.

Majlis anjuran LRTSB itu turut menyaksikan penyerahan hamper dan bantuan tunai Aidilfitri 2025 kepada semua pekerja syarikat mengikut ladang dan unit masing-masing. Program tahunan ini merupakan antara tradisi berterusan syarikat dalam menghargai dan menyantuni para pekerjanya, selain daripada penyediaan gaji dan manfaat kebajikan lain.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Yang Berhormat ADUN Air Putih, Encik Mohd Hafiz Bin Adam, yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah LRTSB. Turut hadir ialah barisan pengurusan tertinggi syarikat, wakil penerima zakat, serta wakil-wakil pekerja dari seluruh ladang dan unit operasi LRTSB.



## TI PROPERTIES SANTUNI ANAK-ANAK YATIM DALAM MAJLISIFTAR SEMAIAN KASIH



TI Properties Sdn Bhd menaja dan menjayakan Program Iftar Semaian Kasih bersama anak yatim dan asnaf yang berlangsung di Elysium Hall, Kuala Terengganu Drawbridge. Majlis ini dianjurkan dengan kerjasama NGO Sahabat Cakna Masyarakat Hulu Terengganu, En Mohamad Safari Abu, yang bersama-sama menyantuni para tetamu program ini.

Seramai 40 orang anak yatim dijemput dan diraikan dalam majlis ini. Acara dimulakan dengan bacaan tahlil ringkas, diikuti sesi beramah mesra bersama anak-anak yatim seterusnya menyampaikan sumbangan wang tunai sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan mereka.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties, Encik Awasi Mohamad serta kakitangan

# PROGRAM ROOTS OF RESILIENCE: RESTORING WETLANDS FOR A SUSTAINABLE FUTURE INISIATIF KKPKT PELIHARA EKOSISTEM PAYA BAKAU YANG SEMAKIN TERANCAM.

**04  
05  
JANUARI  
2025**

GOLDEN PHAROS BERHAD (GPB) MELALUI ANAK SYARIKATNYA, KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU (KKPKT), MENYERTAI PROGRAM "ROOTS OF RESILIENCE: RESTORING WETLANDS FOR A SUSTAINABLE FUTURE" DENGAN KERJASAMA ANTARA UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS, SETIU WETLANDS, DAN SM IMTIAZ YAYASAN TERENGGANU.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan dengan penglibatan aktif masyarakat setempat melalui aktiviti pembersihan pantai bersama komuniti Kampung Mangkuk serta penanaman pokok bakau, yang diketuai oleh pihak Setiu Wetlands. Usaha ini bertujuan memulihara ekosistem paya bakau yang semakin terancam akibat perubahan iklim dan pembangunan tidak lestari.

Seterusnya, tumpuan diberikan kepada aspek pendidikan alam sekitar. Puan Arnina Binti Rahmad, Ketua Operasi KKPKT, telah menyampaikan sesi pengenalan kepada konsep kelestarian hutan dalam operasi harian kepada pelajar SM Imtiaz YT Setiu di Wetland School. Sesi ini bertujuan mendidik generasi muda tentang pentingnya pemeliharaan sumber hutan dan tanggungjawab bersama dalam menjaga alam sekitar.

Majlis penutup program telah dirasmikan oleh Encik Zulkifli bin Omar, Ketua Jabatan Perkhidmatan Korporat GPB. Dalam ucapannya, beliau menekankan komitmen syarikat dalam penyertaan program berkaitan kelestarian alam sekitar. Ianya bukan sahaja meningkatkan kesedaran masyarakat, tetapi turut mencerminkan nilai dan usaha berterusan syarikat dalam menyokong inisiatif pemuliharaan alam sekitar serta memperkuuhubungan strategik bersama komuniti dan institusi pendidikan dalam membentuk masa depan yang lebih mampan.



## TI PROPERTIES SANTUNI MANGSA BANJIR



Dalam usaha menyemarakkan semangat kebersamaan dan prihatin terhadap komuniti, TI Properties memulakan tahun baharu 2025 dengan melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat bertemakan TI Prop Haroni Komuniti: Program Santuni Mangsa Banjir.

Program ini diadakan di Kampung Mak Mek, Ajil, sebagai tanda keprihatinan terhadap mangsa banjir yang terkesan yang turut berkolaborasi bersama Yayasan Amal Malaysia Cawangan Terengganu.

Melalui program ini, TI Properties telah menyumbangkan sebanyak RM5,000 untuk menyediakan makanan yang

telah siap di masak untuk diagihkan kepada 115 buah keluarga serta 80 pelajar madrasah yang turut menerima manfaat daripada inisiatif tersebut. Langkah ini bukan sahaja bertujuan meringankan beban komuniti yang terjejas tetapi juga mencerminkan nilai kemanusiaan dan kepedulian syarikat terhadap masyarakat setempat.

Majlis penyerahan sumbangan ini disempurnakan dengan kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif TI Properties, Encik Awasi Mohamad, diiringi oleh YM Raja 'Adawiah Raja Ibrahim, Pengurus Besar (Operasi) TI Properties, serta kakitangan syarikat.

Dengan program seperti ini, TI Properties terus komited menjadi rakan strategik kepada masyarakat, sejarah dengan misi untuk menyumbang kepada kesejahteraan komuniti sambil memastikan pembangunan syarikat selaras dengan nilai-nilai murni dan tanggungjawab sosial.

# INISIATIF KASIH RAMADAN 2025 SATU: SUMBANGAN AIR MINERAL KE MASJID



**20 FEBRUARI 2025**  
PEMBUKA TIRAI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SYARIKAT AIR TERENGGANU (SATU) EDISI KASIH RAMADAN 2025 DENGAN MENGADAKAN MAJLIS SIMBOLIK PENYERAHAN SUMBANGAN AIR MINERAL SEMPENA RAMADAN 1446H YANG BERLANGSUNG DI IBU PEJABAT SATU. MAJLIS INI BERTUJUAN MENYOKONG AKTIVITI MASJID SEPANJANG BULAN SUCI TERSEBUT.



Melihat sambutan memberangsangkan daripada pihak masjid pada tahun sebelumnya, SATU tampil dengan komitmen lebih besar kali ini dengan menyumbangkan sebanyak 54,000 botol air mineral kepada 40 buah masjid di seluruh negeri Terengganu.

Dalam majlis penyerahan yang sederhana namun bermakna itu, Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts. Hj. Abdul Karim bin Endut, bersama pengurusan tertinggi SATU telah menyantuni 20 wakil masjid dari kawasan Kuala Terengganu dan Marang.

Program ini turut menjadi platform mendekati individu yang memainkan peranan penting dalam memastikan masjid terus berfungsi bukan hanya sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat sehenti komuniti setempat.

SATU berharap inisiatif ini dapat mempereratkan silaturahim dalam kalangan jemaah, dan menyemarakkan semangat kerjasama serta kebersamaan sepanjang Ramadan.

## PELAJAR SK PAYA BUNGA CERIA SAMBUT RAYA MELALUI PROGRAM 'JOM SHOPPING RAYA'

**06 MAC 2025**

TERENGGANU INC MENERUSKAN KOMITMEN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DENGAN PENGANJURAN PROGRAM 'JOM SHOPPING RAYA', YANG MEMBERI PELUANG KEPADA 25 PELAJAR KURANG BERKEMAMPUAN DARI SEKOLAH KEBANGSAAN (SK) PAYA BUNGA UNTUK MERASAI KEGEMBIRAAN MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI.



Program ini bertujuan meringankan beban persiapan raya dengan membawa pelajar membeli pakaian baru serta menyampaikan sumbangan duit raya kepada keluarga mereka. Inisiatif ini bukan sahaja membantu mengurangkan kos sara hidup keluarga terlibat, malah bertindak sebagai sokongan moral agar pelajar-pelajar ini dapat menyambut lebaran dengan penuh keceriaan.

Majlis dimulakan dengan penyerahan pelajar kepada abang dan kakak angkat masing-masing, diikuti dengan penyampaian duit raya kepada ibu bapa pelajar.

Program ini turut diserikan dengan kehadiran YB Ustaz Ahmad Shah bin Muhammed, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar, bersama Dato' Burhanuddin Hilmi bin

Mohamed @ Harun yang meluangkan masa beramah mesra bersama para pelajar. Turut hadir, Encik Kairil Anuar bin Muhammad, Ketua Penolong Pengarah Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu; Encik Mohd Nazli bin Mami, Guru Besar SK Paya Bunga; dan Ustaz Ahmad Roslim bin Jaafar, Yang Dipertua PIBG SK Paya Bunga.

Terengganu Inc dalam kenyataannya berharap program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memberi lebih banyak manfaat kepada komuniti setempat serta menyemarakkan semangat kesyukuran dalam kalangan pelajar.

# 'PRIHATIN RAMADAN: SHOPPING BAJU RAYA' SERIKAN 103 ANAK ASNAF DUN PENGKALAN BERANGAN

**16  
MAC  
2025**

SUASANA RAMADAN DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI SEMAKIN BERMAKNA BUAT 103 ANAK ASNAF BERUSIA 5 HINGGA 6 TAHUN DARI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) PENGKALAN BERANGAN APABILA DIRAIKAN DALAM PROGRAM ISTIMEWA 'PRIHATIN RAMADAN: SHOPPING BAJU RAYA BERSAMA ANAK ASNAF 2025', HASIL KERJASAMA ANTARA TDM BERHAD DAN KELAB KEBAJIKAN SAF WANITA TERENGGANU (SAFWA).



Program penuh kasih sayang ini berlangsung dengan kehadiran YB Ustaz Sulaiman Sulong, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Berangan merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Maklumat Negeri Terengganu, yang turut menyantuni anak-anak asraf bersama barisan pengurusan TDM.

Inisiatif ini bertujuan meringankan beban keluarga asraf dalam membuat persiapan Hari Raya, di samping memberikan kegembiraan kepada anak-anak yang kurang berkemampuan. Ia juga mencerminkan usaha berterusan TDM dan SAFWA dalam menyemai nilai keprihatinan dan semangat kemasyarakatan dalam kalangan masyarakat setempat.

TDM menyasarkan agar program seumpama ini dapat diteruskan secara lebih meluas pada tahun-tahun mendatang dengan penyertaan lebih ramai pihak, sekali gus memperluas manfaat kepada lebih banyak golongan yang memerlukan di Terengganu.

## TDM ANJUR PROGRAM KONGSI REZEKI RAMADAN 2025 BANTU 300 KELUARGA ASNAF DI MANIR



**21  
MAC  
2025**

TDM BERHAD MENERUSKAN KOMITMENNYA DALAM MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) MELALUI PROGRAM KONGSI REZEKI RAMADAN 2025 DENGAN KERJASAMA PERTUBUHAN KEBAJIKAN WANITA SAKINAH MANIR YANG MENYASARKAN BANTUAN KEPADA 300 KELUARGA ASNAF DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) MANIR.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif kebajikan sempena bulan Ramadan, sebanyak 200 keluarga menerima sumbangan wang tunai dalam majlis yang berlangsung baru-baru ini bagi meringankan beban mereka menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Ustaz Hilmi Dato' Harun, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Manir merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu. Turut hadir mewakili syarikat ialah Haji Mohd Mardi Ismail, Ketua Pengurusan Risiko,

Kelestarian dan Pematuhan bersama ahli pengurusan TDM bagi menyantuni para penerima.

TDM berharap agar program sebegini dapat diteruskan dan diperluaskan pada masa hadapan dengan penglibatan lebih ramai rakan strategik serta penyumbang, demi memastikan lebih ramai golongan memerlukan dapat dibantu, selaras dengan aspirasi syarikat untuk menjadi organisasi yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan masyarakat.



## TRADISI TAHUNAN AGIHAN BUBUR LAMBUK TERENGGANU INC

**03  
05  
MAC  
2025**

TERENGGANU INC MENERUSKAN TRADISI TAHUNAN PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK SECARA PERCUMA KEPADA ORANG AWAM SEMPENA BULAN RAMADAN YANG MULIA, BERTEMPAT DI MASJID ABIDIN, KUALA TERENGGANU. SEBANYAK 2,000 BEKAS BUBUR LAMBUK TELAH DIAGIHKAN KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT YANG SABAN TAHUN MENANTIKAN BUBUR LAMBUK.



Program ini turut disertai oleh YB Ustaz Ahmad Shah Muhammed, ADUN Bandar, bersama Ketua-ketua syarikat dan warga kerja di bawah Kumpulan Terengganu Inc. Kehadiran mereka mencerminkan semangat kebersamaan dan usaha mendekati masyarakat sambil mengekalkan warisan tradisi tempatan.

Agihan diteruskan pada 5 Mac 2025, hari kedua program, dengan kehadiran Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Burhanuddin Hilmie bin Mohamed @ Harun. Turut serta dalam pengagihan ialah Pengurus Lembaga Pengurusan Masjid Abidin, YM Dato' Dr. Syed Mohammad Salleh Bin Syed Yusof Alzawawi dan Setiausaha Lembaga Pengurusan Masjid Abidin, Al-Fadil Ustaz Wan Mohd Hazim Bin Mohamed @ Wan Mohd Hashim.

Tradisi pengagihan bubur lambuk ini bukan sahaja menjadi lambang perpaduan masyarakat pelbagai lapisan, malah terus mengekalkan Masjid Abidin sebagai ikon keharmonian dan kerohanian di Kuala Terengganu sepanjang Ramadan.

## RERUAI KUMPULAN TERENGGANU INC MERIAHKAN SUASANA PELITA RAYA TERENGGANU 2025



Kumpulan Terengganu Inc bersama anak-anak syarikatnya iaitu EPIC Berhad, TDM Berhad, Syarikat Air Terengganu (SATU), Golden Pharos Berhad, Primula Beach Hotel dan Permai Hotel telah menyertai acara Pelita Raya Terengganu (PELITER) 2025. Penyertaan ini menunjukkan komitmen Kumpulan Terengganu Inc dalam menyokong usaha kerajaan negeri memperkasakan budaya tempatan dan memartabatkan warisan tradisional masyarakat Terengganu.

PELITER 2025 yang bertemakan membudayakan khazanah warisan kita menyaksikan penyertaan pelbagai agensi, badan kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mempamerkan kreativiti dan inovasi dalam rekaan pelita, sekaligus menjadikan suasana lebih meriah dan penuh warna-warni. Menambah seri acara, Primula Beach Hotel dan Permai Hotel turut mengambil inisiatif menyajikan pelbagai pilihan kuah-muih tradisional kepada para pengunjung.

# BIASISWA YT-TI YOUNG TALENT SCHOLARSHIP 2024 : KOMITMEN KUMPULAN TERENGGANU INC DALAM MEMBANTU ANAK TERENGGANU KE MENARA GADING.

**26**  
FEBRUARI  
**2025**

MAJLIS APRESIASI PENERIMA BIASISWA YT-TI YOUNG TALENT SCHOLARSHIP PROGRAMME 2024 HASIL KOLABORASI TERENGGANU INC BERSAMA YAYASAN TERENGGANU TELAH BERLANGSUNG DI WISMA DARUL IMAN, KUALA TERENGGANU.



Majlis bermakna ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Satiful Bahari bin Mamat, Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan Negeri Terengganu, mewakili YAB Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu.

Turut hadir memberikan sokongan ialah YB Dato' Nara Setia, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Encik Burhanuddin Hilmi bin Mohamed @ Harun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Terengganu Inc, serta Encik Ahmad Farhan bin Abdul Wahab, Pengarah Yayasan Terengganu.

Program ini merupakan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan anak-anak Terengganu yang cemerlang akademik diberikan peluang melanjutkan pengajian ke menara gading tanpa halangan kewangan. Bagi sesi 2024, seramai 10 pelajar berbakat dan berpotensi tinggi dari seluruh Terengganu telah terpilih menerima tajaan berasrama berjumlah RM500,000.00. Dana tajaan ini dijangka meningkat kepada RM1 juta setahun bagi sesi 2025/2026, menjadikan jumlah keseluruhan tajaan selama tiga tahun sebanyak RM2.5 juta.

Biasiswa ini ditaja oleh anak-anak syarikat di bawah Kumpulan Terengganu Inc iaitu EPIC Berhad, TDM Berhad, Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd, Golden Pharos Berhad dan Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd.

Program ini menyasarkan pelajar anak Terengganu yang berjaya dalam STPM, STAM, Asasi, Matrikulasi atau setaraf, bertujuan menyokong dan merealisasikan impian mereka melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Pertama di universiti-universiti terkemuka dalam dan luar negara.

## EARTH HOUR 2025 : PRIMULA BEACH HOTEL TUNJUKKAN KOMITMEN TERHADAP KELESTARIAN ALAM SEKITAR



**22**  
MAC  
**2025**

PRIMULA BEACH HOTEL MENYAHUT SERUAN GLOBAL KELESTARIAN DENGAN MENYERTAI INISIATIF EARTH HOUR 2025, YANG BERLANGSUNG SELAMA SATU JAM SEBAGAI SIMBOL SOKONGAN TERHADAP USAHA MENGEKANG PERUBAHAN IKLIM.

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial dan alam sekitar, hotel ini memadamkan lampu-lampu di sekitar premis secara simbolik selama satu jam. Para tetamu serta kakitangan turut digalakkan menyertai detik harmoni yang diterangi cahaya lilin, menggambarkan solidariti bersama gerakan alam sekitar sedunia.

Menurut Pengurus Besar Primula Beach Hotel, penyertaan dalam Earth Hour bukan sekadar aksi simbolik tetapi manifestasi komitmen sebenar terhadap amalan hijau.

“IA BUKAN HANYA TENTANG MEMADAMKAN LAMPU, TETAPI MENYALAKAN KESEDARAN,” katanya dalam ucapan ringkas sempena acara berkenaan.

Inisiatif ini mendapat sambutan menggalakkan daripada para tetamu dan komuniti setempat, mencerminkan kesedaran yang semakin tinggi mengenai peranan individu dalam melindungi alam sekitar. Primula Beach Hotel turut merakamkan penghargaan kepada semua yang menyokong usaha ini dan menegaskan komitmen untuk terus melaksanakan pelbagai inisiatif kelestarian dalam operasi hariannya.



# KUMPULAN TERENGGANU INC TERUS KOMITED DALAM PENAJAAN TSG

**12  
JANUARI  
2025**

TERENGGANU INC BERBESAR HATI UNTUK MENERUSKAN KOMITMEN TERHADAP PENAJAAN PASUKAN BERBASIKAL TERENGGANU (TSG) BAGI TAHUN 2025. KERJASAMA YANG BERTERUSANINI MEMPERLIHATKAN DEDIKASI TSG DALAM MEMPAMERKAN CEMERLANG SEPANJANG TUJUH TAHUN SEBAGAI PASUKAN NOMBOR SATU UCI.



Majlis Pengenalan Pasukan dan Penaja yang berlangsung di Primula Beach Hotel turut dihadiri oleh YB Hishamuddin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sukan, Belia & NGO.

TSG terus membuktikan kedudukannya sebagai pasukan berbasikal bertaraf dunia dengan mencapai pelbagai

kejayaan cemerlang. Antaranya ialah merangkul gelaran Juara Jelajah Asia UCI sebanyak enam kali, bermula pada tahun 2012, diikuti 2019, 2021, 2022, 2023, dan 2024. Selain itu, TSG turut diiktiraf sebagai Pasukan Benua Terbaik dalam Jelajah Dunia UCI sebanyak tiga kali, mengatasi 178 pasukan lain pada tahun 2019, 2023, dan 2024.

TSG juga mencipta sejarah dalam siri Jelajah Eropah UCI apabila pelumba Merhawi Kudus berjaya meraih tempat kedua dalam perlumbaan berprestij Presidential Cycling Tour of Turkiye (2 Pro UCI).

Seiring dengan kecemerlangan TSG di pentas nasional dan antarabangsa, Terengganu Inc. kekal komited untuk terus menyokong perjalanan, aspirasi, dan sumbangan mereka dalam pembangunan sukan Terengganu.



## THT TERUS TERIMA SOKONGAN PADU: EPIC DAN SATU SUMBANG TAJAAN HADAPI LIGA HOKI MALAYSIA 2025



**02 JANUARI 2025**

**PASUKAN TERENGGANU HOCKEY TEAM (THT) MENERIMA SUNTIKAN SEMANGAT MENJELANG SAINGAN LIGA HOKI MALAYSIA (LHM) 2025 APABILA EPIC BERHAD DAN SYARIKAT AIR TERENGGANU (SATU), MENGUMUMKAN PENAJAAN RASMI MEREKA BAGI MENYOKONG PERJALANAN PASUKAN.**

EPIC Berhad menyalurkan tajaan sebanyak RM20,000 dalam satu majlis penyerahan yang berlangsung di Permai Hotel, Kuala Terengganu. Penyerahan disempurnakan oleh Pengurus Besar Komunikasi Korporat dan HSSEQ, Encik Rusdi Ngah, kepada YB Ustaz Haji Hishamuddin Abdul Karim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO.

Turut hadir ialah YB Ir. Saiful Azmi Suhaili, ADUN Kemasaki dan Penaung Persatuan Hoki Terengganu (PHT), serta Presiden PHT, Encik Mohd Fikri Harun. Tajaan ini diharap dapat menyokong persiapan pasukan mengekalkan prestasi terbaik dan memburu kejuaraan musim ini.

Sementara itu, SATU meneruskan komitmennya terhadap pembangunan sukan dengan menjadi antara penaja utama THT bagi musim 2025. Majlis Pelancaran Pasukan THT berlangsung dengan meriah dan dirasmikan oleh YB Hishamuddin Abdul Karim.

Kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif SATU, Ts Hj Abdul Karim Endut, bersama barisan kepimpinan sukan negeri, memperkuuh tekad dan solidariti untuk mengangkat martabat hoki Terengganu ke peringkat lebih tinggi. THT kini dalam persiapan rapi menjelang saingan LHM 2025 dengan harapan tinggi untuk terus mengharumkan nama Terengganu di pentas kebangsaan.